

Kempen SMS Perdana

UM - 1 AUG 2003

Oleh ARSHAD KHAN

KUALA LUMPUR 31 Julai — Celcom (M) Berhad dan TM Cellular Sdn. Bhd. (TM-Touch) hari ini melancarkan kempen SMS Kasih Perdana bagi memberi peluang kepada pelanggan mereka meluahkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Ketua Eksekutif Kumpulan Celcom, Datuk Ramli Abbas berkata, kempen tersebut menyediakan platform terbaik bagi mengenang jasa dan bakti Perdana Menteri kepada negara ini.

“Di bawah pimpinan Dr. Mahathir, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang dinamik lagi membangun.

“Segala usaha beliau telah berjaya membentuk keteguhan ekonomi negara dan prinsip-prinsip kepercayaan politik yang diamal-

kan menjadikannya idola kepada pemimpin-pemimpin luar negara.

“Justeru, kami di Celcom bangga kerana dapat menyediakan kemudahan teknologi yang dapat memberi peluang kepada para pelanggan meluahkan penghargaan ke atas jasa dan kejayaan Perdana Menteri,” katanya pada majlis pelancaran kempen tersebut di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Kempen SMS Kasih Perdana bermula pada 18 Julai lalu dan berakhir 18 September ini.

Katanya, pihaknya menjangkakan akan menerima sehingga dua juta SMS daripada pelanggan mereka sehingga tarikh akhir kempen.

Ujarnya, semua mesej yang diterima akan didokumentasi dalam bentuk CD-rom dan buku untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Malah katanya, bagi memciahkan kempen

itu, setiap pelanggan yang ke 100,000, 500,000, sejuta dan 1,500,000 serta dua juta akan menerima hadiah bernilai RM1,000, RM2,000, RM3,000, RM4,000 dan RM5,000 mengikut turutan.

Untuk menyertai kempen itu, pelanggan Celcom atau TMTouch perlu menaip perkataan PM pada telefon bimbit mereka dan menghantarnya ke nombor 26376 sebelum menerima maklum balas:

“Selamat datang ke KEMPEN SMS KASIH PERDANA. Luahkan ucapan terima kasih dan penghargaan anda kepada YAB Perdana Menteri. Langkah 1, taip nama penuh & hantar kepada 26376”.

Seterusnya, pelanggan perlu menaipkan nama penuh dan ikuti arahan selanjutnya.

Menurut Ramli, pelanggan yang menggunakan perkhidmatan tersebut akan dikenakan bayaran keseluruhan bernilai RM2.40 untuk talian TMTouch dan RM2.60 bagi Celcom.